

Sabah boleh maju dengan lebih pesat

Malaysiakini

17 September 2018

Sabah berupaya membangun lebih pesat selepas mencatatkan banyak kemajuan sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kata Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya selepas tiba di Kota Kinabalu semalam untuk menghadiri sambutan Hari Malaysia malam tadi beliau kagum dengan landskap Sabah dan percaya negeri terbabit mempunyai potensi tinggi untuk menjadi negeri maju.

“Saya sudah lama tidak berkunjung ke Sabah... bandarnya kini agak bersih.

“Saya fikir apa yang patut dilakukan (untuk membangunkan lagi Sabah) adalah untuk mengenal pasti aset-aset Sabah, yang boleh dieksploitasi.

"Anda mempunyai tanah, gunung, laut dan pantai dan suhu rendah, yang mungkin sesuai untuk menanam sayur-sayuran," katanya kepada pemberita selepas bersarapan dengan Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Mohd Shafie Apdal serta menteri kabinet persekutuan dan negeri.

Dr Mahathir turut menzahirkan kebimbangan dengan kos sara hidup tinggi yang ditanggung rakyat Sabah akibat rasuah dalam pentadbiran terdahulu, tetapi tidak menafikan terdapat juga faktor lain yang menyumbang kepada kos tinggi seperti pelaksanaan dasar kaboatj.

Beliau turut mengesyorkan Sabah mewujudkan industri automotif bagi membolehkan pengeluar kereta memasang produk mereka di negeri itu.

“Industri boleh datang ke sini kerana pada masa depan, Sabah bakal menjadi pengeluar petrokimia berikutan pengeluaran dasar laut akan bermula dalam waktu terdekat,” katanya.

Ditanya pemberita berapa cepat kerajaan persekutuan akan membuat keputusan menaikkan royalti minyak dan gas Sabah - daripada 5 peratus kepada 20 peratus - Dr Mahathir berkata wujud keperluan untuk mengekalkan kemantapan Petronas sebelum memutuskan untuk membayar royalti 20 peratus kepada Sabah.

“Kami tidak mahu membunuh Petronas. Petronas ialah syarikat yang unik kerana ia bukan sahaja satu-satunya syarikat minyak negara yang melakukan cari gali, pembangunan, pengeluaran dan petrokimia, dan pihak dari seluruh dunia meminta Petronas bekerja di negara mereka.

“Jadi, (jika) kita kurangkan tugas Petronas kepada hanya mengutip royalti, dengan itu kita akan kehilangan banyak benda (peluang),” katanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata kerajaan persekutuan turut berpendapat perlu dikaji semula kadar royalti 5 peratus yang diberikan kepada Sabah pada ketika ini.

Berhubung jaminan kerajaan untuk memberikan status rakan sekutu kepada Sabah dan Sarawak, perdana menteri berkata perbincangan mengenainya akan dilakukan secepat mungkin.

Bagaimanapun, kata Dr Mahathir kelulusannya mungkin akan mengambil masa.

Semasa menyambut Hari Malaysia di Kota Kinabalu malam tadi Dr Mahathir memberi jaminan bahawa kerajaan Pakatan Harapan akan mengembalikan status rakan sekutu kepada Sabah dan Sarawak seperti termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) semasa negara terbentuk 55 tahun lalu.

Katanya, status Sabah dan Sarawak - yang berubah daripada rakan sekutu kepada negeri-negeri dalam Malaysia -yang akan dikembalikan itu adalah sebahagian daripada proses dilaksana setelah kajian MA63 disiapkan.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malysiakini.com/news/443468>